

Memorandum

Rujukan Kami : USM.3/6 Jld.XXXIX

Tarikh : 31 Disember 2024

Kepada : Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan / Penyelaras
Pusat Pengajian / Pusat / Jabatan / Institusi / Unit
Kampus Induk / Kejuruteraan / Kesihatan / IPPT

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 75 TAHUN 2024

- PEMAKLUMAN KEWAJIPAN PEGAWAI PENILAI PERTAMA (PPP) BERJUMPA PEGAWAI YANG DINILAI (PYD) UNTUK LAPORAN PENILAIAN PRESTASI (LPP) BAGI TAHUN 2024

Saya dengan hormatnya merujuk kepada Hebahan Pendaftar Bil. 69 Tahun 2024 bertarikh 13 November 2024 dan perkara di atas adalah berkaitan.

2. Selaras dengan perkara 2.6 dalam Hebahan Pendaftar Bil. 69 Tahun 2024 berkaitan Kewajipan Perjumpaan Antara Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Yang Dinilai (PYD) Bagi Menerangkan Prestasi Perkhidmatan PYD Tahun 2024, perhatian, kerjasama dan tindakan YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengingatkan setiap penyelia khususnya Pegawai Penilai Pertama (PPP) untuk berjumpa dengan staf masing-masing (PYD) semasa melaksanakan proses Penilaian Prestasi 2024 bermula pada 1 Januari 2025 sehingga 31 Januari 2025.

3. Perjumpaan ini adalah menjadi kewajipan setiap Pegawai Penilai Pertama dan Pegawai Yang Dinilai, selaras dengan arahan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan, Bil A2 Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian Prestasi Anggota Perkhidmatan Awam : Peranan Serta Tugas Pegawai Penilai Pertama dan Pegawai Penilai Kedua:-

(vii) Pegawai Penilai Pertama dikehendaki membuat penilaian dan ulasan mengenai prestasi Pegawai Yang Dinilai setelah membincangkannya dengan Pegawai Yang Dinilai serta membuat perakuan yang sesuai dengan menggunakan borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan yang berkenaan.

4. Kerjasama daripada pihak YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengambil perhatian berkaitan perkara ini dan mengambil tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(SARINA BINTI RAZAK)
Timbalan Pendaftar
Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar

SRnr/swar.....memo hebahan PengesahanLPP2024

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 75 TAHUN 2024

**- PEMAKLUMAN KEWAJIBAN PEGAWAI PENILAI BERJUMPA PEGAWAI YANG DINILAI (PYD)
UNTUK LAPORAN PENILAIAN PRESTASI (LPP) BAGI TAHUN 2024**

s.k. Naib Canselor

Timbalan-timbalan Naib Canselor

Pendaftar

Pengarah
Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia

Timbalan Pendaftar Kanan
Jabatan Pendaftar
Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar
Jabatan Pendaftar
Kampus Kejuruteraan

Semua Pegawai Pentadbiran
Pusat Pengajian/Pusat/Unit/Jabatan